



## **KENYATAAN MEDIA**

**YANG BERTITAHU DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID  
TIMBALAN KETUA MENTERI 1 PULAU PINANG  
MERANGKAP  
YANG DIPERTUA MAJLIS AGAMA ISLAM  
NEGERI PULAU PINANG**

**LAPORAN PRESTASI KUTIPAN & AGIHAN ZAKAT  
ZAKAT PULAU PINANG  
BAGI TAHUN 2023**

**9 FEBRUARI 2024 (JUMAAT) 2.45 PETANG  
DI IBU PEJABAT ZAKAT PULAU PINANG**

---

1. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi -tinggi penghargaan kepada seluruh masyarakat Islam yang telah bersama-sama Zakat Pulau Pinang (ZPP), Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dalam menyantuni asnaf sepanjang tahun 2023 yang lalu. Sesungguhnya zakat yang anda tunaikan di ZPP telah diagihkan kepada mereka yang benar-benar layak berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh syarak.

## 2. JUMLAH KUTIPAN TERKUMPUL

Izinkan saya membentangkan laporan prestasi kutipan dan agihan ZPP MAINPP bagi tahun 2023 untuk makluman semua khususnya kepada seluruh warga negeri Pulau Pinang yang beragama Islam.

Sukacita saya ingin memaklumkan bahawa pada tahun **2023** yang lalu, jumlah keseluruhan kutipan zakat yang telah berjaya dikumpulkan oleh ZPP MAINPP adalah sebanyak **RM159.7 juta**.

## 3. JUMLAH KUTIPAN ZAKAT HARTA DAN ZAKAT FITRAH

Jumlah keseluruhan kutipan zakat ini adalah merangkumi kutipan bagi Zakat Harta dan Zakat Fitrah bagi tahun 2023.

Prestasi kutipan **Zakat Harta** pada tahun 2023 mencatatkan jumlah sebanyak **RM152,860,020.39** berbanding pada tahun 2022 yang merekodkan jumlah sebanyak **RM143,546,763.64** iaitu peningkatan kadar sebanyak **6.48%**.

Manakala prestasi kutipan **Zakat Fitrah** tahun 1444H (2023) pula adalah sebanyak **RM6,844,348.00** berbanding kutipan **Zakat Fitrah** tahun 1443H (2022) iaitu sebanyak **RM6,580,382.97** iaitu peningkatan kadar sebanyak **4.01%**

#### 4. BILANGAN PEMBAYAR ZAKAT HARTA DAN ZAKAT FITRAH

Pada tahun 2023, bilangan pembayar Zakat Harta adalah seramai **75,298 orang/syarikat** berbanding pada tahun 2022 iaitu seramai **77,895 orang/syarikat**. Jumlah ini menunjukkan penurunan seramai **2,597 orang/syarikat** atau sebanyak **-3.33%**.

Manakala jumlah pembayar Zakat Fitrah pada tahun 2023 adalah seramai **829,304 orang** berbanding pada tahun 2022 seramai **808,589 orang**. Jumlah pembayar ini meningkat seramai **20,715 orang** atau sebanyak **2.56%**.

#### 5. JUMLAH KUTIPAN ZAKAT MELALUI SKIM SAKINAH (SKIM POTONGAN ZAKAT BULANAN)

Jumlah kutipan zakat melalui **Skim Sakinah** pada tahun 2023 adalah sebanyak **RM57,082,548.99** berbanding pada tahun 2022 iaitu sebanyak **RM55,321,123.86**. Kadar peningkatan ini adalah sebanyak **RM1,761,425.13** atau **3.18%**.

#### 6. JUMLAH KUTIPAN ZAKAT HARTA MELALUI LAMAN PORTAL [www.zakatpenang2u.com](http://www.zakatpenang2u.com)

Prestasi kutipan zakat harta yang diterima melalui laman portal [www.zakatpenang2u.com](http://www.zakatpenang2u.com) pada tahun 2023 adalah sebanyak **RM12,687,671.29** berbanding pada tahun 2022 iaitu sebanyak **RM7,903,991.57** iaitu peningkatan kadar sebanyak **60.52%**. Peningkatan pembayaran zakat melalui laman portal ini memberi

gambaran bahawa pembayar zakat di Pulau Pinang sudah mulai menggemari kaedah pembayaran digital yang mudah dan cepat.

Analisis prestasi kutipan Zakat Pulau Pinang bagi tahun 2023 boleh dirumuskan seperti berikut:

- i. Jumlah kutipan zakat harta khususnya yang melibatkan zakat pendapatan, zakat perniagaan dan zakat wang simpanan mewakili **93.4%** daripada jumlah kutipan zakat harta.
- ii. Jumlah kutipan zakat harta pada bulan Disember mencatatkan **32.8%** daripada jumlah kutipan zakat harta tahunan
- iii. Jumlah pembayar zakat KWSP menyusut secara mendadak iaitu seramai **4,990 orang** berbanding tahun 2022. Hal ini disebabkan momentum pembayaran zakat KWSP telah berkurangan secara signifikan kerana tiada lagi pengeluaran bersasar yang disediakan oleh KWSP seperti pengeluaran i-Sinar, i-Citra dan sebagainya.

## **7. JUMLAH AGIHAN ZAKAT**

Pada tahun 2023, ZPP, MAINPP telah berjaya mengagihkan sebanyak **RM173,390,486.93** berbanding pada tahun 2022 iaitu sebanyak **RM155,172,694.81**. Kadar peratusan peningkatan jumlah agihan adalah sebanyak **11.74%**.

## 8. BILANGAN PENERIMA ZAKAT (MUSTAHIK)

Bilangan penerima zakat (mustahik) bagi tahun 2023 adalah sebanyak **43,367 individu/institusi** berbanding pada tahun 2022 iaitu seramai **40,240 individu/institusi**. Jumlah ini meningkat seramai **3,127 individu/institusi** atau sebanyak **7.77%**.

## 9. JUMLAH AGIHAN ZAKAT MENGIKUT ASNAF TAHUN 2023

Pada tahun 2023, pecahan jumlah agihan zakat mengikut asnaf adalah seperti berikut :

| BIL | JENIS ASNAF  | AGIHAN (RM)   |
|-----|--------------|---------------|
| 1   | Fakir        | 14,251,101.99 |
| 2   | Miskin       | 50,739,570.08 |
| 3   | Amil         | 14,941,495.77 |
| 4   | Muallaf      | 3,212,725.00  |
| 5   | Ghorimin     | 5,952,855.88  |
| 6   | Ibnu Sabil   | 204,000.00    |
| 7   | Fisabilillah | 58,007,902.37 |
| 8.  | Ar-Riqab     | 97,344.00     |

Analisis prestasi agihan Zakat Pulau Pinang bagi tahun 2023 boleh dirumuskan seperti berikut:

- i. Jumlah keseluruhan agihan zakat sepanjang tahun 2023 telah mencapai sebanyak **97.96%** berbanding unjuran agihan tahun 2023. Jumlah ini mengambil kira jumlah agihan semasa sebanyak **RM147.4 juta** dan jumlah wang zakat yang belum diagihkan pada tahun sebelumnya iaitu sebanyak **RM25.98 juta**. Jumlah agihan

zakat ini telah merekodkan peningkatan sebanyak **11.73%** berbanding jumlah yang dicapai pada tahun 2022.

- ii. Jumlah keseluruhan mustahik pada tahun 2023 telah meningkat sebanyak **17.75%** berbanding pada tahun 2022. Peningkatan yang signifikan ini adalah disebabkan ZPP telah menyemak kenaikan maksimum Had al-Kifayah Asnaf dan kenaikan kadar nilai agihan sebanyak **RM100.00 – RM700.00** bagi Skim Agihan Kewangan Bulanan, Agihan Sekaligus, Rawatan Dialisis Bulanan, Skim Sewaan Rumah Asnaf, Skim Nur Ramadan dan Skim Hari Raya Aidilfitri bagi tahun 2023.
- iii. Kadar peratusan agihan zakat kepada golongan asnaf fakir dan miskin mencapai angka lebih 44% berbanding kadar peratusan agihan zakat kepada golongan asnaf Fi Sabilillah iaitu sebanyak kira-kira 39% sahaja.

Di kesempatan ini juga, sebagai Timbalan Ketua Menteri 1 yang dipertanggungjawabkan kepada saya bagi portfolio Exco Pembangunan Agama Islam, Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Perpaduan Masyarakat Negeri Pulau Pinang dan juga selaku Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, saya akan memastikan semua agensi di bawah MAINPP akan terus bergerak maju selaras dengan konsep gagasan Malaysia Madani dan Visi Penang2030.

Akhir sekali, saya ucapkan syabas dan tahniah kepada ZPP MAINPP di atas pencapaian sepanjang tahun 2023 dan semoga segala usaha ini akan mendapat keberkatan dan kerahmatan serta keredhaan yang berpanjangan dari Allah SWT.

Sekian. Terima kasih.

**YB. DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID**

***9 Februari 2024***